



E- JOURNAL OF ISLAMIC
THOUGHT & UNDERSTANDING

BIL. 1

JANUARI 2018



Published by :

أكاديمية الدراسات الإسلامية المعاصرة
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS)



الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

HUBUNGAN KENABIAN DALAM DISIPLIN ILMU FALSAFAH DAN TASAWUF MENURUT BADIUZZAMAN SAID NURSI

Muaz Hj Mohd Noor¹, Mohd Solahuddin Shahrudin², Mohd Norazri Mohammad Zaini³, Mohd Paidi Norman⁴ & Mohd Yusra Abdullah⁵

ABSTRAK

E-JITU

Acceptance date:
5th Oct 2017

Valuation date:
25th Oct 2017

Publication date:
30th Jan 2018

Isu nubuwwah atau kenabian adalah salah satu isu dalam ilmu kalam yang begitu diberi penekanan oleh Said Nursi bukan sahaja dalam penulisannya, bahkan dalam pengamalan hidup sehariannya. Ianya kemudian menjadi skop utama Said Nursi dalam usahanya mengangkat kembali akidah umat Islam, khususnya pada waktu itu, agar selari dengan akidah iman yang dibawa oleh nabi-nabi yang terdahulu. Dalam melestari isu kenabian ini, Said Nursi bukan sahaja mengupas isu ini berdasarkan kerangka ilmu akidah dan syariah, tetapi juga dalam kerangka ilmu yang bersifat kritis dan dilihat berlawanan, iaitu disiplin ilmu Tasawuf dan Falsafah.

Dalam kajian ini, penulis akan menghuraikan hubungkait antara isu kenabian yang sering diutarakan oleh Said Nursi dengan dua lapangan ilmu ini secara tuntas, serta menjelaskan polemik perbincangan di antara Tasawuf dan Falsafah itu sendiri secara ringkas. Antara metode penulis dalam kajian ini ialah merujuk langsung daripada kitab-kitab Rasail an-Nur, serta melalui sumber-sumber bacaan berkenaan latar belakang pemikiran serta sejarah Badiuzzaman Said Nursi.

Kata Kunci: *Badiuzzaman Said Nursi, Kenabian, Falsafah, Tasawuf, Ilmu*

PENDAHULUAN

Konsep kenabian adalah isu kritikal yang mendapat perhatian banyak pihak. Golongan Falsafah Islam sendiri tidak pernah ketinggalan memasukkan perbincangan mengenainya dalam penulisan mereka. Sementara golongan Tasawuf sering mendakwa gerakan mereka adalah seiring jalan kenabian.

¹ Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Alor Gajah, Melaka. Contact author: muaz3108@melaka.uitm.edu.my

² Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor. msolahuddin@salam.uitm.edu.my

³ Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Dengkil, Selangor. norazri7082@puncakalam.uitm.edu.my

⁴ Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. apai_norman@salam.uitm.edu.my

⁵ Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. yusra_abdullah@yahoo.com

Menurut sarjana Islam, perkara ini bukan perkara yang pelik kerana isu kenabian ini adalah berkaitan di antara alam *malakut*, alam dunia dan alam akhirat. Maka mana-mana kumpulan Islam yang mengeneipikan atau mengabaikan fungsi *nubuwwah* dalam kehidupan, sudah tentu awal-awal lagi akan ditolak oleh masyarakat Islam.

Bagi Said Nursi, beliau dilihat banyak menonjolkan perbincangan kenabian ini dari dua disiplin ilmu ini, baik secara langsung ataupun tidak langsung, baik dari sudut positif mahupun negatif. Kedua-dua pecahan Ilmu ini bukan sahaja terserlah dari pancaran *Rasāil an-Nūrnya*, malah turut terpamer dari perwatakan dan gaya hidup beliau, sehingga sesetengah sarjana menggelarkan beliau dengan gelaran ‘Tokoh Falsafah’ ataupun ‘tokoh Tasawuf’. Hasil dapatan ini akhirnya menggerakkan penulis untuk menghalusi sejauh mana dimensi pemikiran kenabian menurut Said Nursi dari dua jalan ilmu ini. Ianya kemudian akan cuba disuai-gandingkan dengan beberapa pandangan ulama ataupun tokoh kerohanian bagi menjelaskan aliran sebenar pemikiran Said Nursi dalam dua cabang besar ilmu ini.

HUBUNGAN KENABIAN DENGAN FALSAPAH

Boleh dikatakan hampir kebanyakan dari ulama *mutakallimin* atau sarjana Islam aliran pertengahan berpandangan bahawa Agama (yang dijunjung oleh wahyu-kenabian) dan Falsafah (implementasi dari fikiran logik-akal) sebenarnya tidak bercangah, malah kedua-duanya saling melengkapi dan memerlukan. Para tokoh ilmuan ini yakin bahawa kedua-duanya adalah kebenaran yang tidak wajar bertentangan antara satu sama lain, apatah lagi ditolak mentah begitu sahaja. Walaupun sebahagian yang lain bersikap kritikal terhadap jalan falsafah, ianya tetap diterima sebahagian yang lain dengan beranggapan bahawa falsafah juga merupakan salah satu dari cebisan ilmu-ilmu Allah s.w.t yang wajar dipelajari dan dikaji oleh manusia yang dikurnia akal fikiran.

Beberapa ahli-ahli falsafah Islam terkenal seperti al- Fārābi (870-950M), Ibnu Sīnā 980-1037M), dan al-Kindī (800-870M), bahkan al-Ghazālī tidak mengeneipikan ruang penyatuan dua asas fikiran ini. Walaupun tokoh-tokoh falsafah ini dilihat seolah-olah hanya menumpukan kepada bidang pemikiran falsafah yang mengangkat logik akal sebagai sandaran ilmu, di sana mereka juga sebenarnya tetap menghubungkan kewarasan dan kewajaran logik akal manusia tadi dengan asas fikiran wahyu-kenabian. Mereka tidak membahaskan konsep kenabian tanpa asas yang mendesak. Sebaliknya teori-teori yang mereka kemukakan sedikit sebanyak adalah dengan hasrat mulia mempertahankan Islam dari serangan musuh (Abd Rasyid Idris, 2012).

Namun bagi Said Nursi, beliau melihat isu ini dari kerangka positif dan negatif. Ada baik dan ada buruknya, lagi-lagi bila ianya dikaitkan dengan institusi kenabian. Said Nursi banyak mengulas dan menakankan tentang hubungan falsafah-kenabian dalam beberapa risalah di dalam kitabnya seperti dalam kitab *al-Kalimat* (The Words) iaitu pada ‘Kalimat’ yang ke-30, dan kitab *al-Maktubat*

(*The Letters*), pada ‘Surat’ yang ke-18 dan ‘Surat’ ke-24, serta kitab *al-Lamaat (The Flash)*, pada ‘Kelipan’ yang ke-17 dan ‘Kelipan’ yang ke-33. Ada pun, artikel khusus tentang hubungkait falsafah dan kenabian, telah dibahaskan Said Nursi di dalam kitab *al-Kalimāt*, iaitu dalam ‘Kalimat’ yang ke-30 (*Anā dan Zahrā*).

1) Falsafah Skeptikal Terhadap Kenabian

Walaupun secara umumnya golongan falsafah Islam dilihat mengakui, atau sekurang-kurangnya tidak memusuhi institusi kenabian, namun di sana terdapat beberapa tokoh falsafah Islam yang dilihat mengambil pendekatan keras dengan mengkritik keperluan jalan kenabian. Antara mereka ialah Abū Bakr al-Rāzī, seorang tokoh falsafah Islam kontroversi, yang terkenal di dunia Barat sebagai ‘The Rhazes’. Beliau dilihat sering bersikap sinis dan skeptikal terhadap alam kenabian, sehingga mendakwa kenabian adalah sia-sia. Bagi al-Rāzī, manusia hanya cukup berharap pada Allah s.w.t dan manusia tidak memerlukan kenabian dalam kehidupan mereka. Bahkan lebih keras lagi, beliau mendakwa asas faham kenabian ini punca berlakunya peperangan dan pertumpahan darah.

"What need does humankind have for prophethood or divine revelation, since God initially imparted the gift of reason to them from the essence of His divinity?...he competing claims of diverse revelation have been the cause of endless bloodshed and warfare between the nations favored with divine revelation and those who were not.."

(Majid Fakhry, 1997)

Dari pandangan tersebutlah yang menjadikan al-Rāzī tidak percaya kepada wahyu dan adanya Nabi seperti yang dijelaskan dalam kitabnya *Naqd al-Adyān au fi al-Nubuwwah* (Kritikan terhadap agama-agama dan nabi). Beliau berpegang dengan tanggapan bahawa jalan atau faham kenabian adalah punca peperangan sejak zaman berzaman. Kenabian musuh kepada Falsafah dan sains. Justeru barangkali bagi al-Rāzī, karya-karya sarjana silam seperti Plato dan Aristotle lebih bermanfaat daripada kitab-kitab suci agama. (Ibrahim Madkour, 1976)

Bahkan al-Rāzī bukan satu-satunya tokoh falsafah Islam yang dilihat kritikal terhadap nabi-nabi. Satu lagi tokoh falsafah Islam yang dilihat mendokong pemikiran liberal yang mengkritik keras institusi kenabian ialah Ibn al-Rawandī. Walaupun sarjana sejarah tidak jelas tentang belakang al-Rāzī, namun kebanyakan mereka menyatakan al-Rāzī berasal dari keluarga Yahudi, serta dilihat cenderung kepada fahaman *Mu'tazilah*. Seperti al-Rāzī, beliau juga berhujah bahawa akal manusia adalah mencukupi untuk menentukan pengetahuan mengenai Tuhan dan membezakan di antara baik dan buruk. Bagi Ibn al-Rawandī, kenabian adalah suatu isu yang tidak masuk akal, dan manusia tidak memerlukan wahyu. (Majid Fakhry, A History of Islamic Philosophy, 1983)

Pandangan keras tokoh-tokoh falsafah Islam radikal ini telah menimbulkan kemarahan dan bantahan dari ramai ulama-ulama ketika itu, termasuklah Said Nursi walaupun Said Nursi bukanlah sezaman dengan mereka. Said Nursi menolak keras hujah akal ahli falsafah yang menolak kewujudan dan keperluan Nabi. Bahkan beliau menyatakan bahawa dunia amat memerlukan pemimpin suci (nabi) dari kalangan manusia untuk memimpin tugas khalifah yang diamanahkan. Ia adalah *sunnatullāh*, dan terjemahan sifat adil dan bijaksana Allah s.w.t yang sesekali tidak mampu dipintas oleh akal cetek manusia. Kata Said Nursi:

“Divine power does not leave the ant without leader, or bees without a queen, it surely would not leave mankind without prophet or code of law.”

(Badiuzzaman Said Nursi, 2008)

Kerana itulah tidak pelik jika kita perhatikan dalam *Rasāil an-Nūr*, Said Nursi sering dilihat melemparkan teguran dan kritikan terhadap falsafah, yang beliau anggap terlalu bersikap biadap serta menyeleweng terhadap jalan kenabian. Walaupun pada dasarnya, kumpulan ini berfikir dan mengkaji untuk manfaat umum, namun lama kelamaan, ianya semakin tersasar dan jauh dari hakikat kebenaran. Said Nursi menzahirkan teguran ini dalam kitabnya al-Maktūbāt, pada ‘Surat’ yang ke-24. Katanya,

“At one time, the benefits shown by ‘human’ science and philosophy concerning the aims of beings appeared most insignificant in my view. I understood from this that such philosophy leads only to futility. It is for this reason that leading philosophers either fall into the swamp of Nature, or they become Sophists, or they deny Divine knowledge and choice, or they call the Creator “self-necessitating.”

(Badiuzzaman Said Nursi, 2001)

Apa yang disuarakan Said Nursi ini ada asasnya dan bukan atas dasar sentimen atau emosi. Bahkan beliau pernah berpengalaman berkecimpung dalam dunia falsafah dalam usaha mencari kebenaran dan mengenali Tuhan. Namun ternyata ianya tidak bertahan lama dan langsung tidak membawa kesan yang positif pada diri beliau, apatah lagi kepada ummah. Bahkan beliau menyatakan, ahli-ahli falsafah yang hebat seperti Plato dan Aristotle, termasuk ahli falsafah Islam seperti Ibnu Sinā dan al- Fārābi, mereka semua menurut Said Nursi gagal dalam mencapai cita-cita dan matlamat mereka. Pengembaraan akal mereka tidak menemui jalan penghujung, dan akhirnya mereka terpukau dengan kata-kata manis mereka sendiri, tanpa mencapai apa yang mereka hajati. (Badiuzzaman Said Nursi, 1999)

Perkara ini menurut Said Nursi berbeza dengan jika dibandingkan dengan matlamat para ulama dan ahli agama, yang dipandu oleh aliran pemikiran wahyu-kenabian yang suci. Walaupun mereka ahli falsafah (termasuk ahli sains) telah berkembang maju dalam meneliti sifat-sifat makhluk semulajadi sehingga mampu menganalisa sekecil-kecil makhluk, namun mereka kata Said Nursi, begitu jauh kebelakang dari sudut keagungan dan kemuliaan ‘Sains Ilahi’, iaitu Sains dari sudut pandang akhirat. Dan inilah yang cuba diketengahkan Said Nursi dalam usaha mengharmonikan kedua dasar pemikiran umat manusia ini.

“Cuma apabila aliran ‘kejiwaan’ ini terlepas dari aliran tasawuf dan berpindah kepada mereka yang emnganut fahaman logik dan mantiq, maka ia mula dipersembahkan dalam bentuk ilmiah dan logik, mereka yang menerimanya pula dari golongan yang tertipu dengan rayuan dunia. Maka mereka tenggelam dalam perbahasan ‘tobi’iyyah’ dan kebendaan, jauh dari sudut pandang Islam. Di sinilah bermulanya penyimpangan!”

(Adem Kilicman, t.t)

2) Falsafah atas Jalan Kenabian

Walaupun Said Nursi kelihatan agak ‘berkeras’ dengan golongan falsafah, namun beliau sebenarnya tidaklah menolak total kesemua kandungan ilmu falsafah samada yang dibawa oleh ahli Falsafah Barat mahupun Islam. Sebaliknya kritikan beliau hanya berkisar tentang hal-hal metafizik seperti ketuhanan dan kenabian sahaja. Beliau turut mengakui kebenaran dan kehebatan falsafah dalam hal berkaitan ilmu Matematik, Geografi, Sains dan sebagainya. Bahkan Said Nursi turut mengkritik golongan ilmu Kalam yang menentang bulat-bulat fakta sains yang dikemukakan oleh ahli pemikir (falsafah). Kerana itu penulis melihat dalam bidang penguasaan pendidikan dan ilmu-ilmu pengetahuan, Said Nursi dilihat konsisten dalam menyatupadukan antara ilmu dunia (sains, termasuk falsafah) dan ilmu akhirat (ilmu agama). (Mohamad Zaidin Bin Mat, 2003)

Untuk memahami maksud Said Nursi ini dengan lebih mendalam, beliau mengajak kita merenung dan menoleh kembali sejarah pembentukan aliran pemikiran semenjak manusia pertama diciptakan. Menurut Said Nursi, bermula zaman nabi ‘Adam a.s sehinggalah hari ini, terdapat dua aliran atau rantaian pemikiran yang besar lagi agung, yang boleh mempengaruhi gaya dan perwatakan seseorang. Kedua-duanya ini menurut Said Nursi berjalan merentasi zaman dan masa, seolah-olah kedua-duanya merupakan batang pokok yang besar, yang mengembangkan dahan dan rantingnya ke seluruh penjuru dan kepada setiap peringkat kemanusiaan. Dua aliran atau peringkat pemikiran manusia yang dimaksudkan tersebut (Badiuzzaman Said Nursi, 2004):

- i. Rantaian Kenabian dan agama
- ii. Rantaian Falsafah dan hikmah Kebijaksanaan

Menurut Said Nursi, inilah sebenarnya ‘hubungan’ antara falsafah dan kenabian yang dimaksudkan beliau dalam risalah ringkas beliau dalam *Rasāil an-Nūr*. Said Nursi cuba merumuskan kedua-dua entiti tersebut sebagai kaedah atau cara berfikir. Ianya mempunyai persamaan dari sudut penggunaan akal fikiran dan puncak tertinggi sesuatu tahap pemikiran, namun ianya berbeza dari sudut metodologi dan matlamat akhirnya. Kedua-duanya boleh bersatu (digunakan) dalam satu-satu masa dan ketika, namun tidak kedua-duanya mampu membawa natijah yang baik kepada diri seorang individu yang mengaku seorang muslim yang mukmin. Pasti salah satu daripadanya yang bersifat *Haq*, dan satunya yang lain bersifat *Dzan* atau *Bathil*. Namun menurut Said Nursi, jika kena cara dan etikanya, ianya boleh mendatangkan kebaikan dan kebajikan kepada manusia. (Badiuzzaman Said Nursi, 2004)

Sementara bagi al-Fārābi, beliau meletakkan hakikat kenabian dan hakikat Falsafah sebagai hasil perhubungan jiwa manusia dengan akal jenis *al-‘Aql al-Fa‘al* (Akal aktif). Al-Fārābi menyatakan bahawa kenabian dan falsafah tidak terlalu jauh bezanya kerana kedua-duanya menghubungkan *al-‘Aql al-Fa‘al* dalam tindakan. Kedua-dua mereka (Kenabian dan falsafah) asalnya daripada makhluk yang dikurnia akal, cuma bezanya sama ada akal itu dipandu oleh wahyu ataupun nafsu. Sudah tentu tidak semua orang dapat mengadakan hubungan dengan akal wahyu melainkan orang yang mempunyai hati yang suci yang mampu menembusi dinding-dinding alam ghaib. Ini kerana menurut al-Fārābi, Nabi mempunyai daya ‘imaginasi’ yang kuat yang memungkinkan ia berhubung dengan wahyu Ilahi, baik ketika dia sedang tidur mahupun terjaga. (Haerudin S.S, 2006)

Al-Fārābi turut mengakui bahawa Nabi dan ahli Falsafah adalah manusia yang paling terkehadapan dalam memandu dan mengepalai masyarakat, di mana kedua-duanya dapat berhubung dengan *al-‘Aql al-Fa‘al* yang menjadi sumber syariat dan aturan yang diperlukan bagi kehidupan tersebut. Perbezaan antara kedua kelompok manusia ini ialah hubungan nabi melalui imaginasi, sedang hubungan falsafah adalah melalui pembahasan dan pemikiran. Maka tiada salahnya aliran pemikiran falsafah ini digunakan oleh masyarakat madani, cumanya sebagaimana yang dijelaskan, ianya sesekali tidak akan mencapai tahap fikir kenabian, yang pastinya lebih tepat dan bersifat luhur. (Haerudin S.S, 2006)

Kerana itulah bagi Said Nursi, apabila kedua-dua rantai ini bersatu dan bercantum pada sesuatu masa atau zaman, maka jalan falsafah akan berada dalam lingkungan agama. Ianya boleh dimanfaatkan, bahkan kemanusiaan pula akan mengalami kehidupan bahagia dan sentosa. Tidak salah untuk menyatakan bahawa tidak semua falsafah itu buruk, dan tidak semua buruk itu falsafah. Namun apabila berlakunya pemisahan dan perpecahan diantara keduanya, maka saat inilah segala cahaya dan kebaikan akan hanya tertumpu kepada rantai kenabian dan agama, manakala rantai falsafah pula dilihat asing dan jelek,

dimana segala keburukan dan kesesatan akan berlegar di sekitarnya. (Badiuzzaman Said Nursi, 1999)

“Falsafah yang ditentang dan dikecam oleh Rasāil an-Nūr ialah falsafah yang merosakkan dan bukannya falsafah secara total, ini kerana ‘hikmah’ dalam ilmu falsafah yang membantu meningkatkan peribadi dan tingkahlaku serta memperkukuhkan ketamadunan manusia adalah menepati dan selari dengan kehendak al-Quran. Ia adalah khadam al-Quran, maka Rasāil an-Nūr tidak memeranginya. Inilah sebabnya mengapa pelajar-pelajar aliran falsafah moden tidak menentang Rasāil an-Nūr, bahkan mereka bersama-sama berada di bawah panji Rasāil an-Nūr tanpa ragu-ragu.”

(Badiuzzaman Said Nursi, 1995)

Apa yang hendak disampaikan Said Nursi ini ialah, kedua-dua aliran falsafah atau kenabian, boleh memberi kebaikan kepada manusia selagi mana mereka tidak menyalahi kehendak syarak. Maknanya kedua-duanya boleh kita terima tanpa perlu kepada perbalahan dan persengketaan. Namun apabila kedua-dua aliran ini berlawanan atau bertentangan (dalam urusan akidah *ummat*-cuba mencampuri urusan ketuhanan dan kenabian), maka sudah tentu bagi umat Islam, kita memilih untuk mengikut dan menyelusuri jalan kenabian, kerana sudah tentu dan pasti, jalan kenabian adalah jalan yang paling selamat.

HUBUNGAN KENABIAN DENGAN TASAWUF

Jika diteliti sejarah riwayat hidup Said Nursi, pemikiran dan tindakan beliau sebenarnya banyak dipengaruhi dari kesufian bapa beliau sendiri, yang beraliran Naqsyabandiah. Segala asas ilmu tarekat, baik cara berfikir, berdakwah dan ibadah yang bertepatan dengan sunnah *nabawiyyah* cuba dizahir dan dipraktikkan oleh Said Nursi. Namun dari suatu sudut yang lain, Said Nursi tidak mengikut mana-mana tarekat atau jalan kesufian yang lain di Turki secara langsung. Malah menurut Said Nursi, jalan tareqat atau sufi tidak begitu sesuai di zaman ini (akhir zaman). (Badiuzzaman Said Nursi, 2003)

Kehidupan Said Nursi banyak menerima pengaruh dan kesan daripada seorang ulama besar yang bernama Syeikh ‘Abdul Qādir al-Jailanī (1077-1166M). Pengaruh lingkungan sufi aliran Naqshabandiyah sedikit sebanyak mempengaruhi sifat dan perwatakan Said Nursi. Selain waktu muda beliau yang sering mendatangi dan berdampingan dengan ulama-ulama, tok-tok guru, syeikh-syeikh, dan tokoh-tokoh ilmuan yang lain. Said Nursi juga dikatakan mendapat pengaruh dari pancaran kerohanian dari Syeikh Ahmad Khānī (1650–1707M) ketika menuntut di Bayazid. Said Nursi banyak menghabiskan waktunya di makam Syeikh Ahmad Khānī setelah beliau meninggal dunia.

Menurut Said Nursi, secara umumnya tujuan dan matlamat tasawuf (*Tasawwuf*) atau tareqat (*Ṭarīqah*) adalah untuk meneladani dan mencontohi sunnah nabi dalam proses menyerah diri serta pengabdian kepada Allah s.w.t. Ianya adalah suatu yang baik dan murni, bahkan diakui oleh kebanyakan ilmuan Islam. Namun di sana terdapatnya salah faham dan kesilapan dalam memahami tingkat iman pada nabi oleh sesetengah pengamal tasawuf (ahli sufi). Sesetengah dari golongan ini cuba ‘memasuki’ alam kenabian yang kononnya boleh dicapai melalui ibadah-ibadah tertentu, ada yang menyalahguna dan sebagainya, sedangkan mereka belum terlebih dahulu mengikuti jalan kesufian yang sebenarnya. Menurut Said Nursi, ini sebenarnya bukanlah jalan sufi, bahkan jalan yang sesat dan tahyul. (Badiuzzaman Said Nursi, 2001)

Tasawuf Yang Menyimpang dari Jalan Kenabian

Bahkan al-Imām Rabbānī Syeikh Ahmad al-Sirhindī (1564–1624M), seorang tokoh yang terkenal dalam tareqat Naqsyabandiyyah turut kelihatan mengkritik sesetengah dari pengamal tareqat yang terlalu ekstrim dalam beramal. Al-Sirhindī dalam kitabnya *al-Maktūbāt* banyak menjelaskan kesesatan dan kesalahan kaum sufi, yang menurutnya telah lari dari kerangka *al-Ṭarīqah* yang diharuskan. Al-Sirhindī telah membahagikan tahap Kesucian jiwa (tasawuf) ini kepada tiga peringkat, di mana peringkat yang paling agung adalah hanya dimiliki oleh kenabian, dan ianya sesekali tidak boleh malah tidak mampu dicapai oleh mana-mana manusia termasuk ahli tasawuf.

“Sainthood is of three sorts: one is the ‘lesser sainthood,’ which is the well-known sainthood. The others are the ‘middle sainthood’ and the ‘greater sainthood.’ ‘Greater sainthood’ is to open up by way of the legacy of prophethood a direct way to reality without entering the intermediate realm of Sufism.”

(Badiuzzaman Said Nursi, 2001)

Bahkan jika kita lihat, al-Sirhindī antara ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah* yang kuat menentang dan mengkritik golongan tasawuf, terutama dalam konsep *weḥdah al-wujūd* Ibn ‘Arabi, dan perkara-perkara bid’ah yang menyalahi sunnah yang sering dilakukan oleh kaum sufi. Ketegasan al-Sirhindī ini menarik minat Said Nursi untuk dijadikan modal dalam siri ceramahnya, dan turut dimuatkan dalam *Rasāil an-Nūr*. Lebih-lebih lagi wilayah Turki ketika itu amat kuat pengaruh tareqat dan tasawuf sehingga amalan-amalan yang bukan dari nabi didakwanya dari nabi. Mengulas isu ini, Said Nursi berkata:

“Thus, like this comparison, the sainthood of prophethood and of the legacy of prophethood looks to the mystery of the unfolding of Divine immediacy. The other sainthood proceeds mostly on the basis of proximity, and is compelled to traverse numerous degrees in spiritual journeying.”

(Badiuzzaman Said Nursi, 2001)

Dalam masalah ini, Said Nursi menentang sebarang pegangan yang cuba meletakkan martabat sufi atau wali adalah boleh mencapai atau lebih tinggi daripada martabat nabi. Said Nursi menegaskan bahawa darjat kewalian tidak boleh menandingi kenabian mahupun *martabah suhbah* yang diperolehi oleh para sahabat Rasulullah s.a.w. Martabat *Suhbah* diperolehi hasil pergaulan yang intim bersama junjungan besar Rasulullah s.a.w yang mana ia tidak mungkin dicapai oleh martabat kewalian apatah lagi untuk mengatasinya. Apa yang dinyatakan Said Nursi di atas adalah benar kerana keyakinan yang salah ini akan membawa kepada tanggapan bahawa wirid-wirid tareqat itu lebih utama dari bacaan al-Quran, atau zikir-zikir yang diajarkan melalui sunnah Nabi s.a.w.

Perkara ini telah awal lagi diperakui oleh Syeikh Imām al-Ghazālī, Imām al-Sirhindī, Ibnu Taimiyah dan ramai lagi, bahawa *maqam* dan darjat kenabian tidak boleh dicapai sesiapa pun, hatta bagi para *al-ṣaḥābah* yang paling dekat dengan nabi, wali-wali apatah lagi kaum sufi. Menurut ulama-ulama agung ini, mereka bersepakat menyatakan bahawa mengikuti *sunnah* Nabi s.a.w adalah lebih diterima Allah s.w.t daripada amalan seribu wirid dan akhlak khusus dalam tasawuf (yang tidak mempunyai sandaran dan dalil dari nabi). Suatu kefardhuan syariat pula tidak dapat ditandingi oleh seribu amalan sunat, dan satu amalan sunat yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w pula tidak boleh ditandingi oleh seribu amalan wirid tasawuf yang diasaskan oleh guru-guru tarekat. (Che Muhammad Che Mat Zain, 2012)

Rentetan dari faktor inilah Said Nursi dilihat cuba bersikap kritikal terhadap (sesetengah) golongan tasawuf. Mereka menurut Said Nursi perlu membetulkan kembali kaedah dan matlamat mereka dalam bertasawuf dan bertareqat sebagaimana yang dianjurkan oleh nabi kita. Bagi Said Nursi, penumpuan terhadap pemantapan akidah umat, adalah lebih selamat bahkan terlebih penting dari jalan tasawuf dan tareqat. Malahan Said Nursi pernah menyatakan bahawa zaman ini bukanlah zaman tasawuf atau tareqat, bahkan zaman untuk menyelamatkan iman dan akidah umat, seiring apa yang diamanahkan oleh setiap nabi-nabi kepada pewaris mereka. Memetik kata-kata Said Nursi yang masyhur, yang di ambil dari kitab *al-Maktūbāt*, katanya:

“Syurga tidak boleh dimasuki tanpa iman, sedangkan ramai manusia yang memasuki syurga tanpa tareqat dan tasawuf. Manusia tidak boleh hidup tanpa roti (makanan asas), namun manusia mampu hidup tanpa buah. Maka akidah dan iman adalah roti, manakala tasawuf dan tareqat adalah buah-buahan”

(Mohamad Zaidin Bin Mat, 2003)

Namun suka untuk dijelaskan di sini bahawa, sebagaimana jalan falsafah, Said Nursi juga mengambil pendekatan sederhana dengan menerima kehadiran tareqat dan tasawuf. Bukan semuanya institusi tasawuf ditolak bulat-bulat.

Bahkan Said Nursi sendiri pada awalnya turut bertareqat. Cumanya sebagaimana yang diterangkan di atas, ianya perlulah seiring dengan etika *sunnah nabawī*, yang telah dirintis dan ‘dilakoni’ sendiri oleh baginda tanpa perlu bersikap *ghuluw* (melampau) dan berlebih-lebihan. Dan perlu diyakini bahawa apa pun *level* dan tingkatan kesufian, ia sesekali tidak mampu menyaingi atau mengatasi tingkat (darjat) kemuliaan para nabi-nabi Allah. Said Nursi menggambarkan hakikat ini dengan memetik kata-kata Imām al-Rabbānī yang berbunyi:

“While traversing the degrees in my spiritual journeying, I saw the most brilliant, splendid, subtle, and sound among the levels of the saints to be those who took following the Practices of the Prophet (PBUH) as the basis of their way. Even the ordinary saints of that level appeared to be more splendid than the highest saints of the other levels.”

(Badiuzzaman Said Nursi, 2004)

KESIMPULAN

Berdasarkan beberapa isu akidah (kenabian) yang dibincangkan, ternyata Said Nursi merupakan pengikut kumpulan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, yang berpegang pada mazhab *al-Asha'irah* dalam persoalan akidah dan tauhid, serta mazhab *al-Syafi'i* dalam *fiqh* dan *muamalah*. Walaupun semasa kehidupan Said Nursi, beliau dikelilingi masyarakat pelbagai jenis *fikrah*, fahaman dan ideologi (masyarakat pada waktu itu tebal dengan sentimen sekularisme dan falsafah jalur keras, bahkan majoriti masyarakat muslim Turki waktu itu adalah berpegang dengan mazhab *Hanafi* dan *Hambali*), namun ianya tidak mampu menggoyahkan pegangan dan keyakinan Said Nursi terhadap apa yang dipercayainya. Pendirian tegas Said Nursi ini jelas menunjukkan bahawa Said Nursi bukanlah seorang tokoh yang mudah terikut-ikut dengan pengaruh persekitaran, sebagaimana ulama-ulama beraliran falsafi, yang menurut imam al-Ghazali, dipengaruhi oleh pemikiran falsafah Barat pada waktu itu.

Cuma yang menarik dan bezanya dengan tokoh yang lain ialah, Said Nursi dilihat cenderung dalam menelusuri dan meneladani ulama-ulama yang beraliran sufi, baik dalam gaya fikir, atau gaya hidup. Sama ada beliau terpengaruh dengan persekitaran (ketika itu Turki masyhur dengan gerakan sufism yang dipolopori oleh beberapa orang tokoh tasawuf seperti Jamal al-Din al-Rumi, dan sebagainya), atau pun memang itu kehendak dan keinginan Said Nursi berdasarkan keyakinannya, hanya beliau yang lebih mengetahui. Cuma yang perlu diketahui, Said Nursi tidak pernah ‘terikat’ dengan mana-mana kumpulan, baik dari kaum sufi (tasawuf), mahupun falsafi (falsafah). Jika beliau dikaitkan dengan kaum sufi, beliau pernah mengkritik aliran tersebut. Jika dikatakan beliau tokoh falsafah, beliau juga selalu mengkritiknya. Begitulah jua yang lainnya. Pendek kata, penulis melihat pegangan beliau adalah pada jalan pertengahan atau *wasatiyyah*.

Perkara ini cukup penting agar seorang yang bergelar *mujaddid* (tokoh perubaharuan) itu dilihat sentiasa relevan dan kreatif dalam membawa risalah kenabian, agar mudah diterima oleh masyarakat secara seluruhnya. Ianya ternyata bertepatan sebagaimana yang dianjurkan oleh junjungan besar nabi kita kepada golongan *al-sahabah*, *al-tabi'in*, *al-tabi' tabi'in*, dan seterusnya. Sikap dan pandangan yang sempit lagi keras tentunya menjauhkan lagi *mad'u* kita dalam siri kerangka dakwah. Maka tentunya sikap yang terdapat pada Said Nursi ini dituntut kepada setiap ulama, sebagaimana kepercayaan yang telah diberikan oleh nabi kepada mereka, iaitu sebagai pewaris nabi-nabi dalam menyampaikan risalah Islam yang suci ini.

RUJUKAN

- Abd Rasyid Idris. (2012, Disember 9). Konsep Kenabian Dalam Perbahasan Aliran Falsafah al-Masya'yyah. Malaysia.
- _____. (t.t) "Konsep Kenabian Dalam Perbahasan Aliran Falsafah al-Masya'yyah", laman sesawang *aris.protajdid.com*, di capai pada 9 Disember 2012, <http://aris.protajdid.com/?p=45>
- Adem Kilicman. (t.t). *Sedutan Perbahasan Dalam Rasail an-Nur*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Badiuzzaman Said Nursi. (1995). *Al-Kalimat*. Istanbul: Sharikat Suzlar li al-Tiba'ah.
- _____. (1999). *Perbahasan Ana (Aku) dan Zarah*. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn Bhd.
- _____. (2001a). *The Letters (The Fifth Letter)*. Istanbul: Sozler Nesriyat.
- _____. (2001b). *The Letters (The Twenty Fourth Letter)*. Istanbul: Sozler Nesriyat.
- _____. (2003). *Risalah Nur: Menjawab Yang Tak Terjawabkan, Menjelaskan Yang Tak Terjelaskan*. Jakarta: Murai Kencana.
- _____. (2004a). *The Flashes Collection (The Elevent Flash)*. Istanbul: Sozler Nesriyat.
- _____. (2004b). *The Words Collection (Thirteenth Word)*. Istanbul: Sozler Nesriyat.
- _____. (2008). *The Words*. Istanbul: Sozler Publication.
- Che Muhammad Che Mat Zain. (2012, Jun 17). Wali. Malaysia.
- Haerudin S.S. (2006). *Teori Kenabian al-Farabi*. Indonesia: Universitas Hasanuddin.
- Ibrahim Madkour. (1976). *Fi al-Falsafah al-Islamiyyah: Manhaj Wa Tathbiquh*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Majid Fakhry. (1983). *A History of Islamic Philosophy*. New York: Columbia University Press.
- _____. (1997). *A Short Introduction to Islamic Philosophy, Theology and Mysticism*. Oxford: Oneworld.
- Mohamad Zaidin Bin Mat. (2003). *Badiuzzaman Said Nursi Sejarah Perjuangan dan Pemikiran*. Bangi: Jabatan Pengajaran Arab dan Tamadun Islam.



- Wan Jaffree Wan Sulaiman, *Mujaddid Islam Sheikh Bediuzzaman Said Nursi*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1987.
- Wan Zailan Kamaruddin Bin Wan Ali, "*Konsep Al-Nubuwwah Dalam al-Quran*," Disertasi sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1990.
- Yūsuf al-Qarāḍāwī, "*Mukjizat-Mukjizat Nabawiah-Pendapat Diantara Orang-Orang Yang Keterlaluan Dan Ceroboh*" terj. Risalah Gusti, cet. ke-2 (Artikel Fatawa Qardhawi, Surabaya: Penerbit Risalah Gusti, 1996).